

20/11/2001

Gani ganti Ainum

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA, Isnin - Ketua Bahagian Pendakwaan di Jabatan Peguam Negara, Datuk Abdul Gani Patail, dilantik sebagai Peguam Negara yang baru, menggantikan Datuk Seri Ainum Mohd Saaid, berkuat kuasa 1 Januari depan.

Bagaimanapun, Abdul Gani akan menyandang tugas itu sebaik saja Ainum menyerahkan permohonan cutinya pada waktu terdekat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata Ainum menyerahkan surat peletakan jawatannya pagi ini.

"Kerajaan menerima peletakan jawatan Ainum hari ini semata-mata atas faktor kesihatan yang tidak mengizinkan beliau terus menyandang tugas berat sebagai Peguam Negara.

"Dalam pada itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju Abdul Gani mengambil alih tugas itu secara rasmi apabila tempoh perkhidmatan Ainum tamat.

"Namun, ketika Ainum bercuti, Abdul Gani akan menjalankan tugas berkenaan," kata beliau pada sidang akhbar di pejabatnya di sini.

Ainum, 55, yang bercuti sakit sejak September kerana menghidap tiroid, dilantik sebagai Peguam Negara 1 Januari lalu. Beliau adalah wanita pertama di Malaysia yang menyandang jawatan berkenaan.

Dr Rais menegaskan, isu paksaan tidak pernah timbul dalam peletakan jawatan Ainum dan segala spekulasi yang membabitkannya tidak berasas.

"Saya berinteraksi dengan beliau setiap minggu, jadi saya tahu keadaannya. Soal paksaan tidak timbul. Jangan lupa beliau adalah Peguam Negara yang mengetahui undang-undang dan peraturan," katanya.

Mengenai masalah kesihatan yang dihadapinya, Dr Rais berkata, masalah itu mula kelihatan sejak tiga hingga empat bulan lalu.

"Beliau mendapatnya ketika memegang jawatan ini. Saya boleh katakan yang sejak tiga hingga empat bulan lalu, masalah kesihatan itu mula jelas," katanya.

Ditanya sama ada Abdul Gani sudah dimaklumkan mengenai kenaikan jawatannya, Rais berkata, perkara itu adalah urusan pentadbiran biasa yang akan disusuli oleh Ketua Setiausaha Negara selepas semua hal diselesaikan.

"Saya sudah berjumpa dengan dia (Abdul Gani). Saya sudah minta urusan transisi dibuat secara licin supaya jabatan berkenaan dapat meneruskan perkhidmatan seperti biasa," katanya.

Dr Rais bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai pengganti bagi jawatan Abdul Gani, kerana menganggap perkara itu akan diumumkan sendiri Peguam Negara yang baru.

Ketika dihubungi mengenai pengumuman itu, Abdul Gani enggan mengulas lanjut kerana sedang menghadiri satu upacara pengebumian. Beliau bagaimanapun dijangka membuat kenyataan rasmi esok.

(END)